


MAKLUMAT PESAKIT

Ubat Untuk Merawat

Penyakit Jantung

Ubat Pengurang Lemak

- Statins*
- Fibrates*
- Agen Pengikat Lemak*
- Kumpulan Asid Nicotinic*



Medicine To Treat: Cardiac Diseases

Lipid-Lowering Medicines

BERKENAAN UBAT ANDA

Doktor anda telah menetapkan ubat untuk anda

Kumpulan Ubat	Contoh-contoh ubat dalam Kumpulan ini
Statins	<ul style="list-style-type: none">• Lovastatin• Pravastatin (Pravachol®)• Simvastatin (Zocor®)• Atorvastatin (Lipitor®)• Fluvastatin (Lescol®)
Fibrates	<ul style="list-style-type: none">• Gemfibrozil (Lopid®)• Bezafibrate (Bezalip®, Bezalip Retard®)• Ciprofibrate (Modalim®)• Clofibrate (Atromid-S®)• Fenofibrate (Lipanthyl®, Lipanthyl Micro®)
Agen Pengikat lemak	<ul style="list-style-type: none">• Cholestyramine (Questran Light®)• Cholestyramine (Questran Light®)
Kumpulan Nicotinic Acid	<ul style="list-style-type: none">• Asid Nicotinic• Acipimox (Olbetam®)

APAKAH KEGUNAAN UBAT PENGURANG LEMAK?

Kumpulan ubat ini berkesan untuk memperbaiki paras lemak darah dan ia boleh mengurangkan risiko anda daripada serangan jantung dan angin ahmar. Ia juga dapat mengelakkan prosedur untuk memperbaiki pengaliran darah ke jantung, umpamanya “angioplasty” belon ataupun pembedahan “bypass” jantung. Doktor anda akan menentukan bila rawatan akan dimulakan.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak

Ini bergantung pada keadaan kesihatan dan paras lemak darah anda. Ubat ini dapat mengurangkan paras kolesterol dalam darah anda dengan cara mengurangi jumlah “kolesterol buruk” anda (lipoprotein berdensiti rendah atau kolesterol LDL dan ‘lemak’ (triglyceride) dan meningkatkan jumlah kolesterol yang baik” (lipoprotein yang berdensiti tinggi atau kolesterol HDL). Paras kolesterol yang tinggi boleh menyebabkan penyakit jantung kerana saluran darah yang membekalkan darah ke otot jantung akan tersumbat secara berperingkat-peringkat. Proses ini dipanggil ‘atherosclerosis’ dan ianya boleh mengakibatkan sakit dada (angina), serangan jantung atau angin ahmar.

BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENGAMBIL UBAT INI?

Selain dari cholestyramine, ubat-ubat ini berbentuk pil atau kapsul dan ianya harus ditelan dengan segelas air. Pastikan anda mengikut arahan di label. Ubat jenis “statins” sebaiknya diambil selepas makan petang.

Agen pengikat lemak berbentuk serbuk yang dibungkus dalam peket dan harus dibancuh dengan air sebelum diminum. Ubat-ubat lain mesti diambil sekurang-kurangnya satu jam sebelum ataupun empat jam selepas memakan ubat ini. Ini harus dibuat sedemikian supaya penyerapan ubat-ubat lain tidak terganggu.

Jangan berhenti dari mengambil ubat ini kecuali dinasihatkan oleh doktor anda. Sekiranya anda berhenti mengambil ubat ini, paras kolesterol anda mungkin akan meningkat. Sila beritahu doktor anda sekiranya anda ingin berhenti mengambil ubat ini buat jangkamasa yang lama kerana beberapa dos ubat yang lain mungkin perlu diubahsuaikan.

APAKAH YANG SEHARUSNYA SAYA BUAT SEKIRANYA SAYA TERLUPA SATU DOS?

Sekiranya anda tertinggal dos anda yang biasa, jangan ambil dos yang berganda. Sebaliknya teruskan dos anda yang berikutnya seperti biasa.

Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi

APAKAH KEMUNGKINAN KESAN-KESAN SAMPINGAN UBAT INI?

Semua ubat mempunyai kesan-kesan sampingan. Kesan-kesan sampingan yang biasa adalah seperti berikut. Walaupun ubat jenis ini berkemungkinan boleh merosakkan sistem hati, ianya jarang berlaku dan doktor anda akan mengawasi keadaan anda.

Kumpulan Ubat	Kesan-kesan Sampingan
Statins	<ul style="list-style-type: none">• Gangguan penghadamanan, sakit perut sembelit, cirit-birit.• Lelah• Pening kepala, sakit otot
Fibrates	<ul style="list-style-type: none">• Rasa mual, muntah• Gangguan kepada sistem penghadaman, seperti sakit ulu hati, cirit birit• Ruam• Sakit kepala, sakit otot
Agen Pengikat Lemak	<ul style="list-style-type: none">• Gangguan salur penghadaman, seperti sembelit cirit-birit• Mual, muntah
Kumpulan Asid Nicotinic	<ul style="list-style-type: none">• Merah padam di kulit atau bintik merah, gatal-gatal• Sakit kepala• Gangguan kepada sistem penghadaman seperti sakit ulu hati, cirit birit

Sekiranya anda mendapati kesan sampingan tersebut selepas mengambil ubat, sila beritahu doktor anda dengan segera.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak

APAKAH LANGKAH BERJAGA-JAGA YANG HARUS SAYA AMBIL?

Jadual berikut memberikan panduan tentang langkah berjaga-jaga yang anda harus ambil

Sekiranya anda :	Anda tidak harus mengambil :
• Peka pada mana-mana komponen ubat tersebut	Statins, Fibrates, Agen Pengikat Lemak
• Menghidap penyakit hati yang aktif	Statins, Fibrates
• Hamil atau sedang menyusukan bayi	Statins, Fibrates, Agen Pengikat Lemak, Kumpulan Asid Nicotinic
• Dikesan mengalami sistem saluran hemedu yang tersendat sepenuhnya	Agen Pengikat lemak

Sila beritahu doktor anda tentang semua ubat lain yang anda biasa mengambil. Ini adalah penting kerana beberapa ubat (misalnya warfarin) boleh bertindakbalas dengan kumpulan ubat ini dan mungkin mengganggu kemujarabannya atau meningkatkan risiko kesan-sesan sampingan.

BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENYIMPAN UBAT INI ?

Anda harus menyimpannya dalam bekasnya yang asli, ditutup ketat dan rapi. Simpan ubat anda dalam tempat yang dingin dan kering.

Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi



A handwritten signature in black ink, reading "John G. Shadley", is centered at the bottom of the page. The signature is fluid and cursive, with a prominent, stylized flourish at the end of the last name.

Printed in 2002